

## DN 1.3: Memperluaskan Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK) Kepada Pelbagai Lapisan Masyarakat

### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

#### Justifikasi Cadangan:

- Program PDK ini dilihat mempunyai potensi untuk dikembangkan kepada pelbagai lapisan masyarakat.
- Penglibatan golongan warga emas, ibu tunggal dan pesalah juvenil amat penting bagi membentuk kemahiran mereka supaya mampu berdikari.

#### Komponen Cadangan:

- Mempertingkatkan tenaga kemahiran, pendidik dan pengurusan untuk menampung lebih ramai penghuni dalam program PDK.
- Penyediaan kursus atau latihan kemahiran kepada golongan warga emas, ibu tunggal dan pesalah juvenil untuk kelangsungan hidup yang lebih baik.

#### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam dan swasta dan masyarakat desa.

### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan pengukuhan terhadap pusat PDK sedia ada di setiap daerah iaitu:

Daerah	Pusat PDK
Batu Pahat	<ul style="list-style-type: none"> <li>PDK Dun Parit Raja</li> <li>PDK Dun Penggaram</li> <li>PDK Dun PT Yaani</li> <li>PDK Dun Rengit</li> <li>PDK Dun Semerah</li> <li>PDK Dun Senggarang</li> <li>PDK Sri Sulong</li> </ul>
Kluang	<ul style="list-style-type: none"> <li>PDK 7 Briged</li> <li>PDK Dun Mahkota</li> <li>PDK Ehsan</li> <li>PDK Gugusan Kahang</li> <li>PDK Pekan Kahang</li> <li>PDK Sri Gemilang</li> <li>PDK Suria Impian</li> <li>PDK Suria Impian</li> <li>PDK Yaqeen Dun Paloh</li> </ul>
Mersing	<ul style="list-style-type: none"> <li>PDK Jambangan</li> <li>PDK Nur Kasih</li> <li>PDK Seri Endau</li> <li>PDK Sinar</li> <li>PDK Suria</li> <li>PDK Tenglu</li> </ul>
Jumlah	22

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021


### AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>KPWKM</li> <li>JPKK</li> <li>Jabatan Kebajikan Masyarakat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>KPWKM</li> <li>JPKK</li> </ul>

### ANGGARAN KOS

- Kursus Latihan = RM 20,000 x 22 = RM 440,000.

### FASA PELAKSANAAN



## Justifikasi Cadangan

Cadangan ini adalah bertujuan untuk mempelbagaikan fungsi kepada program PDK sedia ada di kawasan Johor Tengah. Program seperti PDK ini perlu dikembangkan kepada semua lapisan masyarakat meliputi golongan warga emas, ibu tunggal dan pesalah juvenil.

Input daripada maklumat profil kampung berdasarkan laporan penemuan kajian ini menunjukkan 1.62% merupakan ibu/bapa tunggal, diikuti oleh anak yatim piatu berumur bawah 21 tahun (0.96%) dan golongan OKU sejumlah 0.75%. Daerah Batu Pahat mencatatkan jumlah golongan khas yang tertinggi untuk kawasan Johor Tengah dengan angka 12,442 orang golongan ibu/bapa tunggal menjadi penyumbang utama terhadap angka tersebut.

Bagi kategori ibu tunggal sahaja, Daerah Batu Pahat menjadi majoriti sebanyak 3,406 daripada 5,477 orang di Johor Tengah. Daripada jumlah keseluruhan ibu tunggal ini, sejumlah 3,396 orang bersamaan 62% ibu tunggal berada dalam status pekerjaan.

Dengan angka daripada maklumat yang diperolehi daripada laporan penemuan ini, usaha bagi memperkuatkannya program PDK di dalam Johor Tengah adalah wajar untuk diberi penekanan oleh pihak kerajaan.



**IBU / BAPA TUNGGAL**

**1.62%**

**5,505  
Orang**

**BATU PAHAT**

**2,186  
Orang**

**KLUANG**

**934  
Orang**

**MERSING**

**IBU TUNGGAL JOHOR TENGAH: 5,477 ORANG**

**3,406  
Orang**

**BATU PAHAT**

**1,391  
Orang**

**KLUANG**

**680  
Orang**

**MERSING**

**BEKERJA**

**3,396 (62.00%)**



Sumber: SPKPN Negeri Johor 2020 & PHS Desa Negeri Johor



Foto: Program Mesra dan Khidmat Masyarakat Bersama PDK

Sumber: Institut Kemahiran Belia Negara, 2018



Foto: Aktiviti Sukarelawan Bersama Pelatih OKU PDK

Sumber: Persatuan Pengguna Islam Malaysia, 2019